KERATAN AKHBAR

| | | |
|---|---|---|
| AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14/2/2017 |
| MUKA SURAT | : | 7 |
| JABATAN | : | PERHILITAN |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** |

# PERHILITAN kenal pasti 6 lokasi habitat buaya

**Melaka:** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengenal pasti enam lokasi dilaporkan kerap berlaku kejadian buaya timbul di ketiga-tiga daerah di negeri ini.

Lokasi berkenaan adalah Kampung Telok Gong, Tanjung Tuan, Pengkalan Balak, Tanjung Bidara di Gajah, Pantai Puteri, Tanjung Kling di Melaka Tengah dan Sebatu, Merlimau di Jasin.

Pengarahnya Noorzakiahanum Mohd Noh berkata, kajian sedang dilakukan untuk mengenal pasti sama ada buaya berkenaan adalah reptilia sama dilaporkan timbul di Pantai Puteri, Tanjung Kling di sini, beberapa tahun lalu.



*ANTARA lokasi yang digemparkan dengan kemunculan buaya.*

Beliau berkata, kajian juga dilakukan bagi mengenal pasti habitat asal buaya berkenaan sama ada berasal dari Sungai Linggi atau Sungai Klebang.

"Kami juga dalam proses mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk kenal pasti lokasi sebenar kerap berlaku kejadian buaya timbul sebelum memasang papan tanda amaran sebagai makluman kepada pengunjung.

"Buat pengunjung, mereka dinasihati melakukan aktiviti riadah air secara berkumpulan. Namun, mereka masih perlu berhati-hati bagi mengelak insiden tidak diingini kerana perilaku reptilia terbabit sukar diramal," katanya.

Noorzakiahanum berkata, pengunjung juga diminta tidak melakukan provokasi terhadap buaya.